

PROGRAM KESERONOKAN BERKERJA DI SELIA BERSAMA DATO' DR HJ MOHD FADZILAH KAMSAH



Pada 1 Mac 2013 bertempat di Masjid Al Azim, Ayer Keroh Melaka telah berlangsung satu program motivasi bersama penceramah terkenal iaitu YBhg Dato' Dr Haji Mohd Fadzilah Kamsah. Program yang dijalankan adalah bertujuan untuk memupuk semangat untuk bekerja dengan lebih efisien dan membina peningkatan produktiviti di kalangan warga kerja SELIA Group.

Program bermula dari jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 5 petang. Keseluruhan majlis berjalan dengan lancar dan di lihat berjaya memupuk semangat yang baru di kalangan pekerja SELIA Group. Di samping mendapat pengalaman baru di dalam pekerjaan kakitangan juga dapat menerapkan apa yang baru di belajar di dalam kehidupan seharian.

Melihat kepada sambutan yang diberikan oleh kakitangan yang hadir pada program tersebut, program seperti ini dijangka akan di adakan setiap tahun bertujuan untuk menanam semangat bekerja yang positif di kalangan pekerja di samping itu dapat mengeratkan hubungan silaturahim.

